

**DUNIA SOPHIE.** Oleh Jostein Gaarder. 2014. Terjemahan Hassan Ahmad. Terbitan Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM). Halaman 410. ISBN 978-983-068-216-7.

Dunia Sophie merupakan karya Jostien Gaarder yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh Hassan Ahmad dan diterbitkan oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) pada tahun 2014. Karya asal dalam bahasa Inggeris bertajuk *Sophie's World* atau dalam bahasa Norway, *Sofies Verden* (1991). Karya ini merupakan sebuah novel sejarah falsafah yang unik dan berpengaruh dalam kesusasteraan moden. Penulisannya berbeza daripada buku-buku falsafah yang lazimnya bersifat abstrak dan dipenuhi dengan jargon atau istilah asing. Dunia Sophie sebaliknya membentangkan unsur fiksyen dalam sebuah novel untuk membimbing pembaca khususnya golongan remaja dan pembaca umum untuk memahami persoalan asas tentang kewujudan, pengetahuan, etika dan makna hidup yang menjadi perbincangan utama dalam ilmu falsafah. Kulit buku versi terjemahan ini menggunakan latar putih bersih yang sederhana dan minimalis. Terdapat ilustrasi motif abstrak hitam-putih berbentuk bulatan yang dipenuhi dengan tanda soal yang memberikan maksud kerumitan persoalan dalam dunia falsafah yang akan ditempuh oleh pembaca.

Walaupun rujukan penting bagi mereka yang sedang menekuni sejarah Falsafah Barat adalah *History of Western Philosophy* oleh Bertrand Russell, penulisan Gaarder masih lagi sesuai untuk dijadikan rujukan kerana telah menghimpunkan tokoh dan aliran pemikiran penting di Barat secara kronologi. Penulisan beliau dalam bentuk novel ini menjadi kuliah falsafah yang bermakna kepada pembaca di mana setiap bab memperkenalkan aliran atau tokoh falsafah tertentu, bermula dengan ahli falsafah Yunani, zaman pertengahan, *Renaissance*, zaman moden dan kontemporari. Jalan cerita novel ini dihidupkan melalui pembinaan watak-watak yang menarik dan unik. Pendekatan penceritaan ini mungkin tidak dapat memahamkan pembaca terhadap sejarah falsafah yang luas dan kompleks namun dapat menjadikan perbincangan falsafah lebih menarik. Perbincangan tentang idea-idea abstrak ahli falsafah seperti kaedah keraguan Descartes, empirisisme Locke dan Hume serta etika Kant telah disampaikan melalui dialog, contoh kehidupan seharian dan analogi yang dekat dengan pengalaman pembaca. Strategi ini bukan sahaja dapat memberikan kefahaman malah menggalakkan pembaca berfikir secara reflektif.

Watak utama dalam penulisan ini adalah Sophie Amundsen, seorang gadis remaja berusia 14 tahun. Dia seringkali menerima nota misteri tentang falsafah daripada seorang guru falsafah misteri bernama Alberto Knox. Soalan-soalan ini menjadi titik tolak kepada pengembaraan intelektual Sophie menelusuri sejarah falsafah Barat. Oleh itu, pencarian makna dan kesedaran diri menjadi tema utama Dunia Sophie. Soalan-soalan asas falsafah yang dikemukakan sejak awal penceritaan menjadi pemangkin bagi proses untuk memantapkan pemikiran watak utamanya, Sophie. Melalui pendedahan kepada pelbagai aliran pemikiran, Sophie belajar bahawa tiada satu jawapan muktamad terhadap persoalan hidup, sebaliknya terdapat pelbagai kerangka pemikiran yang saling berbeza dan kadangkala berbentuk sebuah paradoks yang sememangnya menjadi pusat pemikiran falsafah. Setiap persoalan dan jawapan tersebut adalah penting kepada pembaca untuk memahami falsafah sekaligus mungkin juga menjawab persoalan yang telah lama bermain dalam fikiran mereka sendiri.

Novel ini menekankan kepentingan sikap ingin tahu dan semangat inkuiri sebagai asas pemikiran falsafah. Semangat inkuiri merupakan dorongan kuat untuk meneroka, bertanya dan mencari jawapan ini telah menjadi faktor kepada penemuan baharu dan projek inovasi dalam sesebuah ketamadunan. Gaarder berulang kali mengingatkan bahawa manusia cenderung

menerima dunia secara rutin dan tidak lagi bertanya soalan asas tentang kewujudan. Falsafah, dalam konteks ini, berperanan mengembalikan keupayaan manusia untuk bertanya, meragui dan menilai semula andaian yang dianggap biasa atau telah selesai. Oleh kerana itu, penulis menggambarkan persamaan antara kanak-kanak dengan ahli falsafah bagi sikap ingin tahu ini:

*Bagi kanak-kanak, dunia dan setiap benda yang ada di dalamnya adalah perkara baru, perkara yang mempesonakan mereka dan menimbulkan rasa seronok. Orang dewasa tidak mengalami perasaan dan keadaan ini. Kebanyakan orang dewasa menerima dan melihat dunia ini sebagai perkara yang biasa sahaja. Di sinilah ahli falsafah berlainan daripada kita. Ahli falsafah tidak pernah berasa puas hati atau sudah biasa dengan dunia ini. Bagi ahli falsafah, dunia ini terus dilihatnya sebagai sesuatu yang agak pelik – bahkan sesuatu yang membingungkannya. Jadi, ahli falsafah dan kanak-kanak mempunyai sifat yang sama. Boleh kita katakan bahawa sepanjang hidupnya, ahli falsafah terus mempunyai sifat seperti yang ada pada kanak-kanak.*

Sesuatu yang menarik dalam naratif penceritaan novel ini ialah kesedaran kedua-dua watak utama iaitu Sophie dan Alberto tentang diri mereka sebenarnya adalah ciptaan Albert Knag, ayah kepada Hilde. Sebenarnya, Albert telah menghadiahkan nota-nota falsafah berbentuk cerita yang mengandungi watak Sophie dan Alberto kepada anaknya perempuannya, Hilde. Dalam plot penceritaan tersebut, Gaarder telah menggambarkan seolah-olah Sophie dan Alberto menyedari bahawa kewujudan mereka dikawal oleh pengarang dan mula bertindak untuk melawan dan membebaskan diri mereka daripada minda atau penulisan ayah Hilde. Unsur metafiksi ini bukan sekadar perkembangan plot, tetapi berfungsi sebagai kiasan falsafah tentang *free will* atau kehendak bebas dan determinisme dalam sesebuah realiti kehidupan. Gabungan antara nota sejarah falsafah dan watak-watak yang menuntut kebebasan, Dunia Sophie sebenarnya menjelaskan bahawa falsafah adalah proses kritikal iaitu keberanian untuk menerima pelbagai kemungkinan yang berbeza dalam realiti dan kesedaran kita.

Terjemahan oleh Hassan Ahmad bagi novel ini secara umumnya telah mengekalkan kejelasan pemikiran dan gaya penceritaan Gaarder. Bahasa Melayu yang digunakan adalah formal dan mudah difahami serta sesuai dengan kumpulan sasaran dalam khalayak pembaca umum. Istilah-istilah falsafah telah diterjemahkan dan penulis juga telah mencuba untuk mendapatkan ketepatan konsep atau istilah asal. Walau bagaimanapun, seperti kebanyakan karya terjemahan falsafah, terdapat cabaran dalam menyampaikan nuansa istilah dan perbincangan tertentu. Pembaca yang sudah biasa dengan istilah falsafah mungkin mendapati beberapa istilah atau frasa yang dikekalkan dalam bahasa Inggeris dalam kurungan bagi tujuan tersebut contohnya, *more grist to the mill* yang diterjemah dalam kurungan (membawa keuntungan atau ada baiknya) dan ada juga perkataan yang telah diterjemah ke dalam bahasa Melayu namun diletakkan dalam kurungan perkataan bahasa Inggeris seperti konsep “menjadi” ditambah dengan (*becoming*) agar pembaca dapat menghayati teks asal yang menulis *the concept of ‘becoming’*. Selain itu, penterjemah juga meletakkan nota kaki bagi interpretasi penterjemah kepada sesuatu istilah sebagai contoh *nature* yang diterjemah sebagai alam semula jadi dan ditambah ke nota kaki sebagai alam syahadah dan begitu juga *natural laws* sebagai hukum alamiah dan ditambah pada nota kaki sebagai sunnatullah atau ayat-ayat Tuhan.

Secara keseluruhannya, kekuatan utama Dunia Sophie ialah keupayaannya untuk menjadikan falsafah menarik dalam bentuk sebuah penceritaan. Novel ini sesuai dijadikan bacaan pengenalan kepada falsafah, termasuk untuk pelajar sekolah menengah, mahasiswa tahun awal dan pembaca umum yang ingin memahami asas pemikiran Barat secara santai. Oleh kerana itu,

pemikiran falsafah lain seperti sejarah falsafah Islam juga wajar mengambil inspirasi penulisan ini untuk menyampaikannya dalam bentuk penulisan kretatif. Namun demikian, oleh kerana skop sejarah falsafah yang sangat luas, perbincangan tentang setiap tokoh dan aliran adalah ringkas dan dibentangkan secara umum sahaja. Pembaca yang memerlukan analisis mendalam mungkin merasakan terdapat perbincangan yang terlalu padat atau terlalu ringkas. Selain itu, babak-babak yang membincangkan tokoh dan teori falsafah, contohnya Descartes, Kant atau idealism Jerman juga kadangkala terasa berat dan padat sehingga mungkin mengganggu plot cerita pengalaman harian Sophie. Oleh itu, walaupun novel ini berkesan sebagai pengantar falsafah, ia tetap menghadapi cabaran dalam keseimbangan antara pembentangan pemikiran falsafah dan perkembangan naratif serta emosi watak dalam novel.

Selain itu, *Dunia Sophie* juga ditulis dalam konteks masyarakat Barat yang terbuka dan sekular menyebabkan wujud beberapa elemen yang tidak selaras dengan prinsip Islam. Perbincangan falsafah tertentu yang dibiarkan terbuka seluasnya tanpa panduan kerangka ketuhanan dan wahyu seperti penekanan terhadap rasionalisme atau empirisme yang meletakkan akal dan pengalaman manusia sebagai sumber utama kebenaran. Antara kritikan lain terhadap novel ini ialah gambaran cara hidup remaja Barat yang bebas dan tidak terikat dengan batasan agama. Contohnya pada babak:

*Tiba-tiba Joana bangun dari kerusinya dan melangkah dengan cukup yakin ke tempat Jeremy dan mencium budak lelaki itu dengan ghairah... Sophie dapat melihat dari jauh Jeremy sedang mencuba untuk membuka baju Joana... Joana pula sedang cuba membuka tali pinggang Jeremy.*

Oleh itu, novel ini wajar dibaca secara kritikal khususnya dalam konteks pendidikan Islam, agar pembaca dapat memanfaatkan kandungan sejarah dan pemikiran falsafah tanpa mengabaikan pertimbangan *worldview* Islam.

Kesimpulannya, *Dunia Sophie* merupakan sebuah karya penting dan berpengaruh dalam memperkenalkan sejarah falsafah Barat kepada khalayak umum. Melalui gabungan sastera dan pemikiran falsafah, Gaarder boleh dianggap berjaya membuktikan bahawa falsafah bukan disiplin akademik yang beku, tetapi satu cabang ilmu yang hidup dan bermanfaat dalam memahami diri dan alam. Edisi terjemahan bahasa Melayu terbitan ITBM ini juga secara tidak langsung telah memperkaya perbendaharaan ilmu falsafah dalam bahasa kita yang boleh dianggap masih langka berbanding bahasa-bahasa lain. Oleh itu, penulisan ini boleh dijadikan bahan bacaan sokongan dalam pengajian falsafah dan sejarah pemikiran. Walaupun tidak dapat menggantikan teks akademik yang membahaskan pemikiran falsafah secara mendalam, *Dunia Sophie* dapat berfungsi sebagai kunci untuk membuka pintu masuk ke gerbang dunia falsafah yang luas sekali gus menyemai minat dan inkuiri intelektual dalam kalangan pembaca.

**Kamal Azmi Abd Rahman**

Pusat Pengajian Teras,

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).